

**Wanita UMNO Diingat Jangan Hanya Tumpu Pengundi Melayu
Bernama
24 Disember, 2011**

MELAKA, 24 Dis (Bernama) -- Wanita Umno perlu memperluas kempen turun padang dengan mendekati pengundi bukan Melayu sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 akan datang.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata bertemu semua pengundi termasuk bukan Melayu adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam gagasan 1Malaysia yang dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sikap 'pilih bulu' perlu dihindari dalam usaha memenangi hati rakyat dan mereka perlu bergerak bersama-sama dengan Wanita Barisan Nasional (BN) bagi memastikan setiap hasrat rakyat dipenuhi, katanya ketika berucap pada Program Pemantapan Gerak Kerja PRU ke-13 Pergerakan Wanita Umno Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh pada Sabtu.

Shahrizat, yang juga Ketua Wanita BN, berkata Wanita Umno harus sentiasa bersatu bagi mempertingkatkan persediaan menghadapi PRU ke-13 selain memperkukuh jentera parti.

Katanya, Wanita Umno di peringkat cawangan dan bahagian perlu menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan yang boleh disertai semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

"Visi kita adalah untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat tidak kira latar belakang kaum dan agama kerana setiap rakyat mempunyai hak untuk mendapat perkhidmatan yang terbaik," katanya.

Shahrizat juga berkata seluruh jentera Wanita siap sedia untuk 'bertempur' bagi memastikan BN memenangi pilihan raya umum akan datang.

Beliau, yang menyifatkan pilihan raya kali ini paling genting dan boleh dianggap sebagai medan perang, berkata Wanita BN khususnya Wanita Umno, telah dipersiapkan dengan 'senjata rahsia' bagi menangkis serangan pembangkang.

"Kita (Wanita BN/UMNO) akan memastikan pilihan raya kali ini menjadi kebangkitan semula kerajaan BN dan akan berusaha menawan kembali kerusi-kerusi yang kini diduduki oleh parti pembangkang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636351>